



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**KENDURI RAKYAT WP LABUAN**

**KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA  
LABUAN**

**15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)  
JAM 7.00 MALAM**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Salutasi**

**Assalamualaikum**

**Warahmatullahi**

**Wabarakatuh Dan Salam Sayangi Wilayahku**

**Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama pada malam ini dalam Program Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Labuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 yang juga merupakan salah satu program yang sentiasa dekat di hati rakyat Labuan**

**Sebagai rakyat Malaysia seharusnya kita semua rasa bersyukur kerana Negara yang kita cintai ini sentiasa dan masih lagi dalam keadaan aman dan harmoni walau pun dengan**

**adanya kepelbagaian kaum, agama dan juga fahaman politik. Ini terbukti dengan keupayaan kita untuk masih bersama-sama berkumpul dalam majlis seumpama ini dengan penuh kerjasama, saling bantu-membantu tanpa sebarang kekangan yang mendatangkan kemudarat kepada semua pihak. Namun kunci kepada keupayaan sesuatu perkara itu adalah melalui perpaduan, saling menghormati, kerjasama antara satu sama lain yang akhirnya membawa kepada permuafakatan seluruh rakyat di negara ini.**

**Lantaran itu, soal perpaduan dan saling menghormati ini perlu sentiasa diterap dan disemai bermula dari waktu kecil hingga ke hari tua. Peribahasa Melayu ada mengatakan “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.**

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

**Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan merupakan program *signature* Sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah Kluster Mesra Rakyat yang memberi impak positif dalam menyatukan dan mengharmonikan hubungan antara kerajaan dan rakyat. Walaupun kos penganjuran program dikurangkan selaras dengan dasar perbelanjaan negara, namun saya dapat melihat kemeriahannya program ini tiada tolok bandingnya. Kemeriahannya sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini tetap dirasai.**

**Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019, WP Labuan telah diperuntukkan sebanyak 7 program daripada 21 program yang dilaksanakan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Seperti kebiasaan dalam menyemarakkan SHWP 2019, Kempen Kibar Bendera WP peringkat Labuan telah**

dilaksanakan pada 27 Januari yang lalu. Selain itu, saya yakin penganjuran Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Karnival Sukan dan beberapa program lain sememangnya memberikan manfaat kepada penduduk di pulau mutiara ini.

Saya dapat lihat kerjasama serta perpaduan komuniti Labuan berganding bahu, merewang serta memasak beramai-ramai dan membuat penyediaan aktiviti-aktiviti lain bagi membangkitkan suasana kenduri dalam suasana yang cukup harmoni. Program ini turut menjadi landasan kepada Kementerian untuk menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti yang melibatkan penyertaan komuniti. Pastinya program kenduri ini menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan

**dan kestabilan sosial khususnya di kalangan warga Labuan.**

**Saya amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan oleh Jawatankuasa Masjid dan Surau, jabatan kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan, rukun tetangga serta Dewan-Dewan Perniagaan yang sentiasa bersedia menghulurkan tangan untuk bersama-sama Kementerian dalam menyokong segala usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya.**

**Penganjuran Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan 2019 ini memberi peluang kepada semua warga Wilayah Persekutuan khususnya komuniti Labuan untuk merasai kemeriahان suasana kenduri yang semakin dilupakan pada masa kini. Menjamu selera dengan menu yang dimasak sendiri secara bergotong royong oleh komuniti dapat**

**menghidupkan kembali budaya tradisi zaman datuk nenek kita dahulu yang semakin luntur ditelan zaman.**

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

**Saban tahun, tarikh 1 Februari amat bermakna kepada kita semua sebagai warga Wilayah Persekutuan dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan mula mengadakan sambutan sejak tahun 2004. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-15.**

**Saya yakin dengan tema sambutan “Sayangi Wilayahku” menjadi aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menjadikan**

**Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sebuah bandar yang tenang dan damai dengan persekitaran yang bersih; kemudahan pengangkutan yang kondusif dan sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warganya.**

**Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Di bawah Kluster Inisiatif Mensejahterakan Rakyat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan penduduk Labuan mendapat manfaat yang terbaik daripada usaha yang dibuat.**

**Sesungguhnya Kerajaan baharu pada hari ini juga sentiasa mendengar denyut nadi rakyat, permasalahan yang dihadapi dan cuba mencari jalan penyelesaian yang terbaik**

**kepada rakyat. KWP dan Perbadanan Labuan telah mengenal pasti beberapa inisiatif bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk Labuan. Sebagaimana semua sedia maklum, ekonomi WP Labuan agak merundum sejak akhir-akhir ini disebabkan oleh kejatuhan industri minyak dan gas dunia. Malah terdapat anak-anak komuniti di Labuan kehilangan pekerjaan dan terpaksa mencari alternatif lain bagi menjana semula pendapatan mereka untuk menyara keluarga.**

**Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mencari penyelesaian kepada permasalahan harga barang keperluan harian pengguna yang tinggi di Labuan. Usaha KWP ini turut mendapat sokongan serta kerjasama dari beberapa Kementerian dan Agensi Kerajaan**

yang lain dalam usaha meningkatkan penjanaan ekonomi warga Labuan.

Sebagai contoh, pihak Kerajaan telah mengenalpasti penambahan kemudahan projek pembangunan bagi produk pelancongan Labuan. Kedudukan strategik Labuan kira-kira 8 km dari persisiran pantai pulau Borneo di bahagian pantai barat dengan mempunyai lima lagi pulau kecil. Pulau Papan, Pulau Burong, Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Kecil dan Pulau Rusukan Besar merupakan satu khazanah berharga yang telah dianugerahkan kepada penduduk pulau Mutiara ini dengan pantainya yang sangat cantik, persekitarannya yang bersih dan alam semulajadinya yang indah. Kelebihan yang ada di Labuan ini boleh digunakan sepenuhnya untuk melebarluaskan projek

**pembangunan pelancongan ke tahap yang lebih tinggi.**

**Selain itu, Kerajaan masih meneruskan pemberian diskaun tambang feri sebanyak 50 peratus kepada warganegara khususnya penduduk di Labuan bagi mengurangkan beban kos sara hidup ketika ini. Usaha ini membuktikan kesungguhan Kerajaan membantu menyelesaikan permasalahan penduduk di sini.**

**Saya juga difahamkan banyak acara dan program yang dilaksanakan oleh PL banyak melibatkan penyertaan dari negara luar seperti pengajuran Labuan International Sea Challenge yang setiap tahun diadakan pada bulan April. Ini menunjukkan Labuan berpotensi untuk terkenal setanding dengan tempat-tempat lain yang banyak**

menganjurkan program bertaraf antarabangsa. Oleh itu saya berharap KWP dan Perbadanan Labuan terus berusaha dengan lebih padu lagi untuk mempromosikan pulau ini yang secara tidak langsung memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

**Saya amat berharap dan semoga sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2019 ini menjadi satu permulaan yang baik kepada usaha pihak kerajaan mendapatkan sokongan daripada semua komuniti Labuan serta warga Wilayah Persekutuan dan Malaysia umumnya dalam apa jua program/inisiatif yang dilaksanakan. Kita harus terus memupuk dan menyemai dengan taburan baja keharmonian bagi membawa hasil kemakmuran dengan pembangunan yang cemerlang.**

**Kesemua program yang diaturkan ini juga diharapkan mendapat komitmen dan penyertaan sepenuhnya rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat kerana semua program yang diaturkan ini adalah untuk anda semua.**

**Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Labuan, semua agensi kerajaan, pihak swasta, badan-badan NGO dan komuniti setempat yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang amat baik sekali dalam penganjuran program pada hari ini.**

**Tidak saya lupakan kepada syarikat korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka melalui program**

kenduri ini iaitu PETRONAS yang telah menyumbangkan gas memasak dan apron serta pihak PEKEMA yang menyumbangkan bantuan persekolahan melalui program Back to School yang akan turut disampaikan pada malam ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah swt juga.

**Dengan Lafaz BISMILLAHIRAHMANIRAHIM,  
saya dengan ini merasmikan Kenduri Rakyat  
Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2019.**

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamu'alaikum W.B**